



# **PERATURAN MENGHADIRI KURSUS PRA-PERKAHWINAN ISLAM**

(Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim)

## **1. Pakaian**

Peserta kursus hendaklah berpakaian yang menutup aurat. Lelaki berbaju kurung, bersampin dan bersongkok (dilarang memakai barang kemas semasa menghadiri kursus seperti rantai, gelang, subang dan sebagainya kecuali cincin yang bukan diperbuat daripada emas). Wanita berbaju kurung dan bertudung (dilarang memakai pakaian lengan pendek, ketat dan nipis, memakai seluar jeans dan berpakaian belah).

## **2. Kehadiran**

Peserta hendaklah menghadiri setiap slot ceramah yang dijalankan pada sepanjang kursus. Peserta yang gagal menghadiri mana-mana tajuk atau terlewat lebih daripada 15 minit selepas sesi bermula, ia dikehendaki mengulang tajuk berkenaan pada masa yang akan datang dengan memaklumkan kepada pihak penganjur dan tindakan menahan sijil kursus akan dilaksanakan secara serta-merta tanpa tertangguh.

## **3. Rokok**

Peserta kursus dilarang merokok sepanjang sesi kursus dijalankan dan dilarang merokok di dalam kawasan masjid dan di tempat makan atau tandas masjid.

## **4. Pergaulan**

Peserta kursus dilarang melakukan sebarang perkara sumbang seperti berdua-duaan atau 'dating' sepanjang kursus dijalankan dan di persekitaran tempat kursus atau di tempat makan. Peserta lelaki dan wanita dikehendaki duduk secara berasingan semasa ceramah atau makan.

## **5. Akhlak**

Peserta hendaklah menunjukkan budi pekerti yang baik terhadap mana-mana penceramah atau pemudahcara semasa sesi ceramah sedang dijalankan dan sekiranya mempamerkan akhlak yang buruk, maka peserta boleh dilarang daripada meneruskan kursus dan sijil tidak akan dikeluarkan. Peserta juga hendaklah sentiasa memberi tumpuan kepada penceramah dan digalakkan memberi respon atau bertukar-tukar pandangan dengan penceramah atau pemudahcara dan peserta lain.

***"Selamat Berkursus Dan Semoga Anda Mendapat Ilmu  
Yang Bermanfaat".***

***"SAKINAH, MAWADDAH DAN RAHMAH"***